

16/06/2000

Sembilan ketua negara sahkan hadir sidang G-15

Manja Ismail in Kaherah

KAHERAH, Khamis - Sekurang-kurangnya sembilan ketua kerajaan termasuk Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad disahkan akan menghadiri sidang puncak kesepuluh Kumpulan 15 Negara Membangun (G-15) di sini.

Lapan lagi ialah Presiden Argentina, Fernando de la Rúa; Presiden Algeria, Abdel Aziz Boutelika; Presiden Indonesia, Abdul Rahman Wahid; Presiden Nigeria, Olusegun Obasanjo; Presiden Senegal, Abdoulaye Wade; Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe; Perdana Menteri Jamaica, PJ Patterson dan Presiden Mesir, Hosni Mubarak selaku pengerusi sidang puncak kali ini.

Brazil, India, Kenya, Venezuela dan Peru dijangka diwakili naib presiden masing-masing, manakala delegasi Chile, Mexico dan Sri Lanka diketuai oleh menteri luar.

G-15 ditubuhkan hasil sidang puncak Pertubuhan Berkecuali di Belgrade pada 1989, bertujuan mengukuhkan kerjasama Selatan-Selatan terutama dalam bidang pelaburan, perdagangan dan teknologi.

Sidang puncak pertamanya diadakan di Kuala Lumpur pada 1990 dan setiap tahun negara anggota, mewakili benua masing-masing, bergilir menjadi tuan rumah. Tahun lalu, sidang puncak G-15 diadakan di Jamaica yang mewakili benua Amerika Latin.

Seperti Kuala Lumpur, ini adalah kali kedua Kaherah, yang mewakili Afrika, menjadi tuan rumah sidang puncak G-15. Tahun depan apabila tiba giliran Asia, Jakarta menjadi tuan rumah.

Indonesia sepatutnya menjadi tuan rumah sidang puncak 1997 tetapi Malaysia terpaksa mengambil alih kerana keadaan politik di republik itu.

Sementara itu, Menteri ekonomi Kumpulan 15 Negara Membangun (G-15) hari ini bersetuju mengadakan mesyuarat khas bagi membincangkan isu Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) yang membabitkan kepentingan dunia ketiga.

Dalam mesyuarat itu nanti, negara anggota akan membuat pendirian bersama lebih tegas mengenai isu yang sudah dicapai kata sepakat bagi memastikan ia menjadi realiti.

Bagi isu yang mana negara anggota tidak sehaluan, perundingan pada peringkat menteri juga perlu supaya pandangan masing-masing difahami untuk dikemukakan kepada ahli WTO yang lain.

Mesyuarat khas menteri ekonomi G-15 itu akan dikendalikan oleh Indonesia, selaku tuan rumah sidang puncak tahun depan. Sehingga mesyuarat itu diadakan, semua negara anggota bersetuju mengarahkan pegawai masing-masing di Geneva mengadakan rundingan tidak rasmi.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata keputusan itu dicapai dalam mesyuarat kelima menteri ekonomi G-15 yang dipengerusikan rakan sejawatnya dari negara tuan rumah, Dr Yussouf Boutros-Ghali di sini.

Pada mesyuarat itu, semua negara anggota menyentuh kesan perundingan sedia ada dalam WTO serta kemungkinan wujud perundingan baru pada peringkat global dalam pertubuhan perdagangan itu.

(END)